



AMALAN PERATURAN MALAYSIA

KANDUNGAN

BAB 1 LANGKAH PERMULAAN

- [1.1 Pengedar Adalah Bekerja Sendiri](#)
- [1.2 Tiada Hutang atau Pembelian Paksa](#)

BAB 2 PENJUALAN PRODUK

- [2.1 Lokasi Larangan](#)
- [2.2 Resit dan Rekod](#)
- [2.3 Bayaran Balik Pelanggan](#)
- [2.4 10 Pelanggan Runcit](#)
- [2.5 70%](#)
- [2.6 Jualan Tekanan Tinggi](#)
- [2.7 Penjualan Produk kepada Bukan Pengedar untuk Jualan Semula](#)
- [2.8 Pengubahsuaian kepada Produk, Label dan Bahan-bahan](#)

BAB 3 PENGIKLANAN

- [3.1 Tuntutan](#)
- [3.2 Pengiklanan Harga](#)
- [3.3 Harta Intelek Herbalife](#)
- [3.4 Larangan Penyiaran](#)
- [3.5 Larangan Jualan Internet dan Lelong](#)
- [3.6 Media Sosial sebagai Forum Jualan dan Promosi](#)

BAB 4 ASAS PELAN JUALAN DAN PEMASARAN

- [4.1 Satu Hak Pengedaran Dibenarkan untuk Seorang](#)
- [4.2 Pembelian Produk Yang Betul](#)
- [4.3 Manipulasi Pelan Jualan & Pemasaran](#)
- [4.4 Tanggungjawab terhadap Tingkah Laku Mereka yang Membantu Hak Pengedaran](#)
- [4.5 Tempoh Tidak Aktif](#)

BAB 5 PENAJAAN DAN KEPIMPINAN

- [5.1 Pengakuan Team TAB](#)
- [5.2 Latihan](#)
- [5.3 Tiada Campur Tangan](#)
- [5.4 Hubungan dengan Herbalife](#)
- [5.5 Dorongan kepada Peluang Lain](#)
- [5.6 Petunjuk](#)
- [5.7 Jualan Peralatan Perniagaan Bukan untuk Keuntungan](#)

BAB 6 KELAB NUTRISI DAN PEJABAT

- [6.1 Pendaftaran Kelab](#)
- [6.2 Berbilang Kelab](#)
- [6.3 Pengedar Tidak Boleh Mengenakan Bayaran untuk Nasihat Kelab Nutrisi](#)
- [6.4 Tanggungjawab Pengendali Kelab](#)

- [6.5. Berkongsi Premis Kelab](#)
- [6.6 Penyediaan Produk](#)
- [6.7 Penghantaran](#)
- [6.8 Larangan Menjual Kelab untuk Keuntungan](#)
- [6.9 Papan Tanda dan Nama Kelab Nutrisi](#)
- [6.10 Luaran Kelab Nutrisi](#)

BAB 7 PERNIAGAAN ANTARABANGSA

- [7.1 Aktiviti di Negara atau Wilayah yang Belum Dibuka](#)
- [7.2 Tidak Mengeksport Produk](#)
- [7.3 Aktiviti di China](#)
- [7.4 Negara-negara/Wilayah-wilayah dan Individu Larangan](#)

BAB 8 TINGKAH LAKU AM

- [8.1 Pematuhan dengan Undang-Undang dan Peraturan yang Berkaitan](#)
 - [8.2 Serahan dan Komunikasi yang Benar dengan Herbalife](#)
 - [8.3 Mengekalkan Reputasi dan Imej Herbalife](#)
 - [8.4 Tingkah Laku Berhubung dengan Gangguan, Diskriminasi dan Kelakuan yang Tidak Sesuai](#)
 - [8.5 Tiada Tingkah Laku Anti-Persaingan](#)
-

BAB 9 PENTADBIRAN

9.1 Kelayakan Hak Pengedaran

- [9.1.1 Umur Minimum Hak Pengedaran](#)
- [9.1.2 Pengiktirafan Pasangan](#)

9.2 Pemindahan Hak Pengedaran Anda

- [9.2.1 Penyerahan, Penjualan, atau Pemindahan Hak Pengedaran](#)
- [9.2.2 Hanya Boleh Dijual, Diserahkan atau Dipindahkan kepada Pengedar Bukan Herbalife](#)
- [9.2.3 Status dan Manfaat](#)
- [9.2.4 Tanggungjawab Selepas Pemindahan](#)

9.3 Pemisahan Dan Perceraian

- [9.3.1 Mewujudkan Hak Pengedaran Baru](#)
- [9.3.2 Permintaan untuk Mengubah Suai Hak Pengedaran Asal](#)
- [9.3.3 Menyertai Di Bawah Penaja Lain/Menyertai Dalam Hak Pengedaran Lain](#)
- [9.3.4 Perceraian dan Pelan Jualan & Pemasaran Herbalife](#)

9.4 Pewarisan

9.5 Peletakan Jawatan

9.6 Jualan kepada Pengguna

9.7 Pembayaran Dan Pelarasan

9.8 Mengekalkan Barisan Penajaan

- [9.8.1 Pembetulan Penajaan](#)
- [9.8.2 Memohon untuk Menukar Penajaan](#)

9.9 Cabaran Penurunan Berat Badan

[9.9.1 Jumlah Maksimum Peserta](#)

[9.9.2 Bayaran](#)

[9.9.3 Pembayaran Maksimum](#)

[9.9.4 Tempoh](#)

[9.9.5 Mesyuarat Mingguan](#)

[9.9.6 Mengesyorkan Produk Herbalife](#)

[9.9.7 Mengembalikan Bayaran Penyertaan](#)

[9.9.8 Pengiklanan](#)

[9.9.9 Perjanjian Penyertaan yang Diperlukan](#)

[9.9.10 Had Umur Minimum](#)

9.10 PROSEDUR PENGUATKUASAAN

[9.10.1 Prosedur Aduan](#)

[9.10.2 Siasatan](#)

[9.10.3 Hukuman](#)

[9.10.4 Permintaan untuk Pertimbangan Semula \(tidak berkaitan dengan Penamatan\)](#)

[9.10.5 Penamatan Hak Pengedaran](#)

[9.10.6 Rayuan Penamatan](#)

9.11 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG TAMBAHAN

[9.11.1 Kerosakan](#)

[9.11.2 Pengecualian dan Penangguhan](#)

[9.11.3 Kebolehasingan](#)

[9.11.4 Pilihan Undang-undang dan Forum](#)

[9.11.5 Ganti Rugi](#)

[9.11.6 Tuntutan Antara Pendedar](#)

9.12 PRIVASI DAN PELINDUNGAN DATA

9.13 DEFINISI

BAB 1 LANGKAH PERMULAAN

1.1 Pengedar Adalah Bekerja Sendiri

Pengedar adalah kontraktor bebas yang bekerja sendiri, mereka bukan pekerja, pemegang francais atau ejen Herbalife atau Pengedar lain dan tidak boleh menyatakan atau membayangkan sebaliknya. Seorang Penaja tidak boleh melayan Pengedar lain atau baris bawahan mereka seperti pekerja hanya kerana mereka berada dalam baris bawahan mereka.

Jika seorang Penaja mempunyai hubungan pekerjaan dengan mana-mana Pengedar lain, Penaja tersebut mesti mematuhi semua undang-undang pekerjaan.

Pekerja tidak boleh terlibat dalam aktiviti Pengedar.

1.2 Tiada Hutang atau Pembelian Paksa

Menggalakkan hutang atau mewajibkan sebarang pembelian selain daripada HDP adalah dilarang.

BAB 2 PENJUALAN PRODUK

2.1 Lokasi Larangan

Pengedar tidak boleh menjual produk Herbalife di pasar (terbuka atau tertutup), farmasi, kios, gerai (sementara atau tetap), perjumpaan pertukaran, pasar lambak, trak makanan, kontena penghantaran, restoran, lokasi perkhidmatan makanan, lokasi peruncitan, atau mana-mana lokasi yang serupa. Jika Herbalife mendapati sebarang produknya yang dibeli oleh Pengedar Herbalife dipamerkan atau dijual di mana-mana lokasi larangan ini, Pengedar tersebut wajib bertanggungjawab, menanggung akibat, dan menerima sebarang hukuman yang Herbalife tentukan untuk dikuatkuasakan mengikut budi bicaranya. Selain itu, Pengedar bersetuju untuk melepaskan Herbalife daripada sebarang tuntutan undang-undang yang mungkin timbul pada masa hadapan.

Lokasi perkhidmatan diterima asalkan berada dalam bilik yang tertutup.

2.2 Resit dan Rekod

Pengedar mesti menyediakan resit jualan dengan maklumat lengkap kepada setiap pelanggan pada setiap jualan selesai dan menyimpan salinan semua resit jualan dan rekod pengedaran produk lain untuk tempoh dua (2) tahun.

2.3 Bayaran Balik Pelanggan

Pengedar dikehendaki untuk menawarkan jaminan 30 hari wang dikembalikan kepada Pelanggan mereka.

Pelanggan mesti ditawarkan pilihan sama ada mereka diberikan bayaran balik penuh, termasuk sebarang caj penghantaran dan pengendalian, atau kredit produk sebagai pertukaran untuk produk Herbalife yang lain.

2.4 10 Pelanggan Runcit

Pengedar mesti mengesahkan tepat pada masanya bahawa mereka telah membuat jualan kepada sekurang-kurangnya sepuluh (10) pelanggan berasingan dalam sebulan untuk layak mendapat pendapatan. Yang berikut dikira sebagai Pelanggan:

- Pelanggan Runcit;
 - Pengedar baris bawahan pertama dengan sehingga 200 Poin Volum Belian Peribadi (dan tiada Pengedar baris bawahan) boleh dikira sebagai penjualan kepada (1) Pelanggan Runcit.
-

2.5 70%

Untuk layak mendapat pendapatan, Pengedar mesti mengesahkan tepat pada masanya bahawa sekurang-kurangnya 70% daripada jumlah volum yang dibeli oleh Pengedar setiap bulan telah dijual.

2.6 Jualan Tekanan Tinggi

Pengedar tidak melibatkan diri dalam jualan tekanan tinggi kepada Pelanggan dan Pengedar mereka.

2.7 Penjualan Produk kepada Bukan Pengedar untuk Jualan Semula

Pengedar tidak boleh menjual atau membekal produk Herbalife kepada bukan Pengedar untuk dijual semula.

2.8 Pengubahsuaian kepada Produk, Label dan Bahan-bahan

Pengedar tidak boleh mengubahsui atau mengubah mana-mana label, bahan bacaan, bahan atau pembungkusan produk Herbalife. Pengedar tidak boleh membungkus semula produk Herbalife atau menjual produk secara individu yang tidak dilabel untuk dijual semula.

BAB 3 PENGIKLANAN

3.1 Tuntutan

Tuntutan atau perwakilan adalah kenyataan, cerita, gambar atau video mengenai produk Herbalife, peluang perniagaan Herbalife, atau manfaatnya. Pengedar boleh membuat Tuntutan, dengan syarat mereka:

- adalah benar, tidak mengelirukan dan disokong oleh dokumentasi bertulis.
- mematuhi semua Peraturan dan undang-undang yang berkaitan.
- selaras dengan label produk.
- tidak membuat tuntutan terapeutik, penyakit atau perubatan.
- tidak menggambarkan pendapatan terjamin atau peluang pekerjaan; dan
- tidak membayangkan atau menggambarkan pendapatan yang berlebihan atau gaya hidup mewah.

Herbalife berhak meminta untuk memadam sebarang Tuntutan yang melanggar Peraturan ini, undang-undang yang berkaitan, atau yang mencemarkan jenama atau imej Herbalife.

3.2 Pengiklanan Harga

Pengedar tidak boleh memberikan maklumat harga kepada orang awam, kecuali seperti yang dibenarkan oleh Herbalife di platformnya.

E-DAGANG:

Pengedar yang mengendalikan laman sesawang peribadi boleh mengiklankan harga produk atau maklumat harga hanya pada laman yang dilindungi dengan kata laluan.

3.3 Harta Intelekt Herbalife

Herbalife menyediakan bahan berhak cipta untuk digunakan oleh Pengedar dan memberikan lesen terhad yang boleh dibatalkan untuk menggunakan tanda niaga Herbalife selagi:

- ia digunakan semata-mata untuk mempromosikan penjualan dan penggunaan produk Herbalife atau peluang perniagaan.
- aset dimuat turun dari platform Syarikat yang dibenarkan.
- teks, gambar dan tanda niaga tidak diubah suai, dipotong, atau diubah dengan cara apa pun.
- Pengedar menyatakan bahawa bahan tersebut adalah milik Herbalife.
- Pengedar tidak menggunakan nama atau gambar Mark Hughes dalam sebarang iklan.
- Pengedar tidak menggunakannya dalam nama domain mana-mana laman web, dalam mana-mana pendaftaran, atau pada sebarang papan tanda luaran.
- Pengedar tidak boleh menggunakan terma Herbalife atau mana-mana tanda niaganya dalam sebarang iklan carian berbayar.
- Pengedar berhenti menggunakan sebarang bahan berhak cipta atau bertanda niaga atas permintaan Herbalife; dan
- Pengedar kekal dalam reputasi yang baik.

Setakat mana Herbalife mendedahkan sebarang rahsia niaga kepada Pengedar, Pengedar akan memegang rahsia niaga tersebut secara sulit dan tidak akan mendedahkannya, walaupun selepas penamatan atau peletakan jawatan.

Selain daripada itu, Pengedar juga tidak boleh menggunakan sebarang audio atau video, tanda niaga, nama syarikat, nama produk, atau grafik milik orang atau entiti lain bersama dengan perniagaan Herbalife mereka, tanpa terlebih dahulu mendapatkan kebenaran daripada pemilik untuk penggunaan tersebut.

3.4 Larangan Penyiaran

Pengedar tidak dibenarkan membuat penyiaran atau pengiklanan di televisyen, radio, atau sebarang medium yang serupa.

3.5 Larangan Jualan Internet dan Lelong

Jualan lelong dan jualan di laman lelong melemahkan hubungan peribadi yang perlu dibina oleh Pengedar dengan pelanggannya, begitu juga dengan jenama Herbalife dan imej yang Herbalife bina untuk produknya. Oleh itu, Pengedar tidak boleh (secara langsung atau tidak langsung melalui apa-apa perantara atau peralatan) menawarkan untuk jualan atau memudahkan penawaran produk Herbalife untuk jualan melalui mana-mana lelongan, laman web lelongan dalam talian, atau mana-mana e-dagang atau laman web lain. Larangan ini termasuk, tetapi tidak terhad kepada, menjual produk Herbalife di eBay, Amazon, Lazada atau Shopee. Jika Herbalife mendapati sebarang produknya yang dibeli oleh Pengedar Herbalife ditawarkan untuk jualan dalam mana-mana lelongan, laman web lelongan dalam talian, atau mana-mana e-dagang atau laman web lain selain daripada yang dibenarkan oleh Herbalife, Pengedar Herbalife tersebut wajib bertanggungjawab, menanggung akibat, dan menerima sebarang hukuman yang Herbalife tentukan untuk dikuatkuasakan mengikut budi bicaranya. Selain itu, Pengedar Herbalife bersetuju untuk melepaskan Herbalife daripada sebarang tuntutan undang-undang yang mungkin timbul pada masa hadapan.

3.6 Media Sosial sebagai Forum Jualan dan Promosi

Laman media sosial tidak boleh digunakan untuk menjual produk Herbalife. Jualan produk Herbalife dalam talian hanya boleh dibuat dari laman sesawang seorang Pengedar.

BAB 4 ASAS PELAN JUALAN DAN PEMASARAN

4.1 Satu Hak Pengedaran Dibenarkan untuk Seorang

Seorang individu hanya boleh memiliki satu Hak Pengedaran Herbalife, kecuali seperti yang dibenarkan dalam Polisi Pewarisan kami. Pasangan Berkahwin mesti berada di bawah Hak Pengedaran yang sama kecuali mereka berdua berada di peringkat Penyelia pada masa Perkahwinan.

4.2 Pembelian Produk yang Betul

Pengedar bukan Penyelia hanya boleh membeli produk-produk Herbalife® secara terus dari Herbalife, Penaja mereka, atau Penyelia Berkelayakan Penuh baris atasan pertama mereka. Pengedar tidak boleh membuat pesanan atau membayar untuk pesanan tersebut atas nama Pengedar yang lain kecuali Herbalife telah mendapat kebenaran bertulis daripada orang tersebut.

Penyelia Berkelayakan Penuh hanya boleh membeli produk terus daripada Herbalife.

4.3 Manipulasi Pelan Jualan & Pemasaran

Pengedar tidak boleh membuat cubaan untuk memanipulasi Pelan Jualan & Pemasaran.

4.4 Tanggungjawab terhadap Tingkah Laku Mereka yang Membantu Hak Pengedaran

Pengedar bertanggungjawab atas tindakan sesiapa sahaja yang membantu dalam perniagaan mereka, termasuk pasangan mereka atau perkhidmatan yang disediakan kepada Pengedar oleh vendor.

4.5 Tempoh Tidak Aktif

Mana-mana Pengedar yang berhasrat untuk menandatangani Permohonan dan Perjanjian Hak Pengedaran baru di bawah Penaja yang berbeza mesti menunggu satu tahun (Penyelia dan ke bawah) atau dua tahun (Team Dunia dan ke atas) di mana mereka tidak boleh menjalankan sebarang aktiviti Pengedar.

Syarat ini juga terpakai kepada mana-mana bekas peserta (bermakna bekas Pengedar, pasangan, atau individu yang membantu dalam satu Hak Pengedaran).

Sebarang percubaan untuk memintas Tempoh Tidak Aktif melalui bantuan atau cara lain adalah dilarang.

BAB 5 PENAJAAN DAN KEPIMPINAN

5.1 Pengakuan Team TAB

Apabila seorang Pengedar mencapai Team TAB, mereka mesti menandatangani borang Pengakuan Team TAB sebelum mereka layak untuk dibayar Bonus Pengeluaran.

5.2 Latihan

Penaja bertanggungjawab untuk menyediakan latihan kepada Pengedar baris bawahan mereka tetapi tidak boleh mendapat keuntungan daripadanya.

5.3 Tiada Campur Tangan

Pengedar tidak boleh mengganggu perniagaan mana-mana Pengedar lain.

5.4 Hubungan dengan Herbalife

Pengedar tidak boleh mengaitkan Herbalife dengan agama, kepercayaan politik atau sosial, sebarang organisasi, atau sebarang perniagaan lain.

5.5 Dorongan kepada Peluang Lain

Pengedar tidak boleh mempromosikan peluang perniagaan lain kepada Pengedar.

Pengedar juga tidak boleh menjual produk dari MLM atau syarikat jualan langsung lain kepada Pengedar.

5.6 Petunjuk

Pengedar tidak boleh membeli atau menjual Petunjuk, tetapi mereka boleh menjana Petunjuk untuk diri mereka sendiri atau memberikannya secara percuma kepada orang lain.

5.7 Jualan Peralatan Perniagaan Bukan Untuk Keuntungan

Pengedar tidak boleh menjana keuntungan daripada menjual Peralatan Perniagaan kepada Pengedar lain dan Herbalife berhak untuk melarang penjualan atau penggunaan Peralatan Perniagaan yang melanggar Peraturannya, undang-undang atau merosakkan reputasi atau imej Herbalife.

BAB 6 KELAB NUTRISI DAN PEJABAT

6.1 Pendaftaran Kelab

Pengedar tidak boleh mengambil alih sebarang sewaan atau membuka Kelab di lokasi bukan kediaman, kecuali mereka telah:

- menjadi Pengedar Herbalife sekurang-kurangnya 90 hari.
 - menerima latihan dari Pengedar baris atasan yang berpengetahuan atau melalui acara latihan Herbalife tempatan.
 - melengkapkan proses yang diperlukan oleh Herbalife untuk lokasi, cadangan papan tanda, dan perkara yang lain.
 - mendaftarkan lokasi dengan Herbalife.
-

6.2 Berbilang Kelab

Pengedar tidak boleh mengendalikan lebih daripada tiga lokasi atau mengambil alih lebih daripada tiga tempat sewaan untuk tujuan mengendalikan Kelab.

6.3 Pengedar Tidak Boleh mengenakan Bayaran untuk Nasihat Kelab Nutrisi

Pengedar tidak boleh mengenakan bayaran kepada Pengedar lain untuk bantuan atau nasihat dalam membuka atau menjalankan Kelab kecuali seperti yang dinyatakan dalam Peraturan Latihan.

6.4 Tanggungjawab Pengendali Kelab

Seorang Pengedar mesti dilantik sebagai pengendali Kelab utama yang bertanggungjawab untuk mengawasi semua operasi Kelab.

Pengendali Kelab utama mesti melantik Pengedar lain untuk bertanggungjawab apabila mereka tidak hadir.

6.5 Berkongsi Premis Kelab

Pengendali Kelab hanya boleh mengenakan bayaran kepada Pengedar lain untuk kos menggunakan Kelab mereka, bukan untuk keuntungan. Semua Pengedar yang menyewakan ruang dalam Kelab mesti memenuhi keperluan Kelab Nutrisi.

6.6 Penyediaan Produk

Pengedar mesti menyediakan produk yang dihidangkan di Kelab Nutrisi mengikut amalan penyediaan yang bersesuaian dan menyediakan label produk serta maklumat alergen kepada pelanggan atas permintaan. Tiada tuntutan produk boleh dibuat jika campuran tidak disediakan mengikut label produk.

Hanya produk Herbalife dan tambahan seperti buah-buahan, sayur-sayuran, dan perisa adalah dibenarkan untuk dihidang, dijual, atau dipromosikan di Kelab. Tablet individu tidak boleh dijual atau dihidangkan, dan penjualan produk yang dibungkus semula dan produk kering juga dilarang.

6.7 Penghantaran

Pengedar tidak boleh:

- menggunakan perkhidmatan penghantaran pihak ketiga, seperti Uber Eats, Grubhub dan yang serupa dengannya; atau
 - melayan Pelanggan melalui pandu lalu atau tingkap pesan dan ambil.
-

6.8 Larangan Menjual Kelab untuk Keuntungan

Pemindahan Sewaan: Penjualan Kelab untuk keuntungan adalah dilarang. Walau bagaimanapun, pemindahan sewaan dan pemulangan kos aset serta pembinaan adalah dibenarkan. Atas permintaan, Pengedar mesti menyediakan rekod yang menunjukkan kos tersebut.

Sebelum mengambil alih sewaan, Pengedar mesti terlebih dahulu memenuhi Keperluan Pendaftaran Kelab.

6.9 Papan Tanda dan Nama Kelab Nutrisi

Sebagai sebahagian daripada proses pendaftaran, Pengedar dikehendaki mengemukakan butiran mengenai cadangan papan tanda luaran untuk semakan Herbalife sebelum mengambil alih sewaan, pajakan, atau pembelian lokasi fizikal untuk mengendalikan Kelab.

Jika Pengedar menggunakan papan tanda luar, mereka tidak boleh:

- menggunakan nama yang sama atau papan tanda yang serupa dalam lingkungan 40 kilometer.
- menunjukkan produk Herbalife tersedia untuk pembelian.
- menggunakan papan tanda sebagai pengenalan kepada kumpulan tertentu (Lokasi Geografi, Organisasi Pengedar, Kelab Nutrisi, dll.) dengan cara yang boleh dianggap sebagai Francais atau sebahagian daripada rangkaian Kelab Nutrisi; atau
- menggunakan Harta Intelek, nama produk atau jenama Herbalife.

Ini termasuk apa-apa yang boleh nampak dari luar yang mungkin mencadangkan bahawa lokasi itu adalah francais.

6.10 Luaran Kelab Nutrisi

Peraturan berikut terpakai untuk bahagian luaran Kelab, untuk mengelakkan sebarang salah faham orang ramai:

- Pintu dan tingkap Kelab di lokasi bukan kediaman mesti ditutup sepenuhnya agar bahagian dalam tidak kelihatan kepada orang di luar Kelab.

Penutup tidak boleh:

- Memaparkan apa-apa jenama Herbalife (nama, logo, dll.).
- Menyatakan, menunjukkan atau mencadangkan (walaupun tanpa perkataan) bahawa produk runcit tersedia untuk pembelian di dalam.
- Menggunakan atau mengandungi gambar foto “Sebelum & Selepas”.
- Yang berikut tidak dibenarkan di luaran Kelab:
 - Gambar atau logo shake, pengisar.
 - Gambar makanan atau produk.
 - Nombor telefon.

BAB 7 PERNIAGAAN ANTARABANGSA

7.1 Aktiviti di Negara atau Wilayah yang Belum Dibuka

Pengedar tidak boleh terlibat dengan sebarang aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan Herbalife di mana-mana negara yang belum dibuka secara rasmi.

7.2 Tidak Mengeksport Produk

Pengedar tidak boleh menghantar, menjual, mengeksport atau mengedarkan produk dari satu negara ke negara lain. Tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan, Pengedar boleh membawa sehingga 1,500 Poin Volum produk setiap bulan bersama mereka untuk kegunaan peribadi semasa melancong.

7.3 Aktiviti di China

Hanya Warganegara China yang boleh menjalankan perniagaan di China. Pengedar tidak boleh menghantar atau membawa produk Herbalife memasuki China walaupun untuk kegunaan sendiri.

7.4 Negara-negara/Wilayah-wilayah dan Individu Larangan

Pengedar mestilah bukan pemastautin, atau menjalankan aktiviti perniagaan Herbalife dalam Negara/Wilayah Larangan. Pengedar juga tidak boleh secara langsung atau tidak langsung mengendalikan sebarang aktiviti perniagaan Herbalife dengan individu atau entiti yang Pengedar mempunyai sebab untuk percaya ialah:

- (i) pemastautin, atau mengendalikan perniagaan di, Negara/Wilayah Larangan;
- (ii) membuat jualan kepada individu yang bermastautin di Negara/Wilayah Larangan;
- (iii) dimiliki atau dikawal oleh entiti yang terletak di, atau individu yang asalnya bermastautin di, Negara/Wilayah Larangan.
- (iv) termasuk dalam senarai Warganegara yang Ditetapkan Secara Khusus yang dikendalikan oleh Pejabat Kawalan Aset Luar Negara dari Jabatan Perbendaharaan AS atau mana-mana individu, entiti atau organisasi yang dimiliki atau dikawal oleh seseorang yang tersenarai.

BAB 8 TINGKAH LAKU AM

8.1 Pematuhan dengan Undang-Undang dan Peraturan yang Berkaitan

Pengedar mesti mematuhi semua undang-undang (termasuk Peraturan, perundangan, ordinan, dan keperluan pelesenan) dan Peraturan Herbalife di setiap negara mereka bekerja dan tidak boleh menggalakkan orang lain untuk melanggarnya

Jika terdapat konflik antara Peraturan Herbalife dan undang-undang, undang-undang akan digunapakai.

Pengedar juga mesti mematuhi terma perkhidmatan untuk mana-mana perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan dalam menjalankan perniagaan Herbalife mereka.

8.2 Serahan dan Komunikasi yang Benar dengan Herbalife

Semua maklumat yang diberikan kepada Herbalife, mestilah benar, lengkap, dan tepat pada masanya termasuk Permohonan, borang, resit, maklumat hubungan, dan pesanan.

8.3 Mengekalkan Reputasi dan Imej Herbalife

Pengedar tidak boleh merosakkan reputasi, imej, produk, harta intelek, atau nama baik Herbalife.

8.4 Tingkah Laku Berhubung dengan Gangguan, Diskriminasi dan Kelakuan yang Tidak Sesuai

Herbalife melarang gangguan, diskriminasi yang menyalahi undang-undang dan kelakuan yang tidak sesuai.

8.5 Tiada Tingkah Laku Anti-Persaingan

Pengedar adalah pemilik perniagaan bebas dan tidak boleh membentuk perjanjian dengan Pengedar lain mengenai:

- harga jualan produk Herbalife.
- wilayah menjual.
- kaedah pengedaran; atau
- pembahagian Pelanggan atau Pengedar.

BAB 9 PENTADBIRAN

9.1 Kelayakan Hak Pengedaran

9.1.1 Umur Minimum Hak Pengedaran

Seseorang itu mesti berumur sekurang-kurangnya 18 tahun untuk memohon Hak Pengedaran atau menyertai dalam perniagaan Herbalife Pengedar yang lain. *

* Syarat umur minimum berbeza mengikut negara. Untuk syarat umur di negara-negara lain, sila hubungi Bahagian Perkhidmatan Pengedar.

9.1.2 Pengiktirafan Pasangan

Pengedar boleh memasukkan nama pasangan mereka ke dalam rekod Hak Pengedaran mereka untuk menyokong perniagaan mereka dan juga untuk tujuan pengiktirafan *.

Pengedar akan kekal sebagai Pengedar dalam rekod. Walau bagaimanapun, sekiranya Pengedar berpisah dengan pasangan mereka, pemilikan atau hak Pengedar terhadap Hak Pengedaran tersebut mungkin terjejas **.

* Sebagai contoh pengiktirafan membenarkan kehadiran di acara Herbalife, pengiktirafan untuk pencapaian perniagaan yang baru dan Pelan Pemasaran.

** Sekiranya berlaku pemisahan/perceraian dimana aspek perundangan dan/atau kewangan Hak Pengedaran dipertikaikan, sama ada pasangan itu dimasukkan ke dalam akaun atau tidak mungkin akan memberi kesan kepada keputusan mahkamah tempatan.

9.2 Pemindahan Hak Pengedaran Anda

9.2.1 Penyerahan, Penjualan, atau Pemindahan Hak Pengedaran

Penyerahan, penjualan atau pemindahan mana-mana hak atau kepentingan dalam Hak Pengedaran adalah tidak dibenarkan tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Herbalife mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya.

Pengedar tidak boleh memindahkan Hak Pengedaran untuk memintas Peraturan atau undang-undang. Sekiranya Herbalife menyedari bahawa bekas Pengedar (Pemindah) dan/atau pasangan Pemindah terlibat dengan tingkah laku atau aktiviti yang melanggar Peraturan selepas permintaan pemindahan dibenarkan, Herbalife boleh mengenakan hukuman kepada Hak Pengedaran yang telah dipindahkan.

9.2.2 Hanya Boleh Dijual, Diserahkan atau Dipindahkan kepada Pengedar Bukan Herbalife

Hak Pengedaran hanya boleh dijual, diserahkan atau dipindahkan kepada individu yang bukan Pengedar, kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh Peraturan Pewarisan. Herbalife tidak akan mempertimbangkan permintaan pemindahan jika Pengedar yang dicadangkan (Penerima Pindahan) tidak memenuhi syarat-syarat tempoh tidak aktif (sila rujuk Peraturan Tempoh Tidak Aktif).

9.2.3 Status dan Manfaat

Pencapaian Pengedar adalah peribadi, dan jika penjualan, penyerahan atau pemindahan diluluskan, status dan manfaat yang dicapai oleh Pengedar tidak boleh dipindahkan dengan Hak Pengedaran. Penerima Pindahan mungkin diperlukan untuk mencapai semua kelayakan bagi keperluan status dan perolehan pendapatan selepas penyerahan atau pemindahan dibuat. Ini termasuk status Penyelia, status Team TAB, kelayakan percutian atau mana-mana hak lain untuk Pengedar individu.

9.2.4 Tanggungjawab Selepas Pemindahan


Selepas pemindahan Hak Pengedaran:

- Penerima Pindahan akan bertanggungjawab kepada Herbalife bagi apa-apa atau semua pelanggaran Peraturan yang dilakukan oleh atau bagi pihak Pemindah yang berkaitan dengan Hak Pengedaran.
- Bagi tempoh enam bulan berikutan tarikh berkuatkuasa pemindahan, tindakan oleh Pemindah dan/atau Pasangan Pemindah, yang akan melanggar Peraturan jika Pemindah masih seorang Pengedar, akan dianggap pelanggaran Penerima Pindahan juga.

9.3 Pemisahan dan Penceraian

9.3.1 Mewujudkan Hak Pengedaran Baru

Jika pasangan Pengedar ingin meneruskan dengan perniagaan Herbalife semasa perbicaraan perceraian atau serta merta selepas bercerai, Pengedar dan pasangan masing-masing mesti mewujudkan Hak Pengedaran baru yang berasingan di bawah Penaja asal Pengedar. Herbalife akan menyahaktifkan keistimewaan pembelian untuk Hak Pengedaran asal dan mengkreditkan aktiviti perniagaan Hak Pengedaran asal kepada setiap Hak Pengedaran baru yang berasingan dengan melalui “Perikatan.” (Sila rujuk Peraturan Perceraian dan Pelan Jualan & Pemasaran Herbalife) Setiap Pengedar mesti menggunakan nombor ID baru dalam perniagaan mereka.




Hak Pengedaran asal dan baris bawahannya tidak boleh dibahagikan di antara Pengedar dan bekas pasangan. Contohnya mereka tidak boleh “membahagikan” Hak Pengedaran dengan memberikan setiap seorang 50% pemilikan.

Herbalife mesti menerima dokumen-dokumen berikut untuk mewujudkan Hak Pengedaran baru:

- Permohonan baru yang lengkap dan ditandatangani oleh Pengedar dan pasangan, yang ditaja oleh Penaja Hak Pengedaran asal.
- Borang Perceraian dan Pemisahan yang ditandatangani dan disahkan oleh notari.
- Satu salinan Petisyen Pembubaran Perkahwinan, Perjanjian Penyelesaian Harta, atau penghakiman muktamad perceraian.
- Borang Perakuan Bonus Pengeluaran Team TAB baru yang lengkap dan ditandatangani oleh Pengedar dan pasangan, yang mencerminkan nombor ID Hak Pengedaran berasingan yang baru (Hak Pengedaran tahap Team TAB sahaja).


Jika seorang Pengedar berkahwin semula, pasangan barunya boleh ditambah kepada Hak Pengedaran berasingan yang baru supaya menyokong Pengedar dalam perniagaan dan untuk tujuan pengiktirafan.




Lebih daripada satu Perceraian:

Herbalife akan hanya mengaitkan satu set Hak Pengedaran yang telah bercerai. Dalam kes di mana ia lebih daripada satu Perceraian, Pasangan yang diceraikan boleh mewujudkan satu Hak Pengedaran berasingan, tetapi Hak Pengedaran tersebut tidak akan dikaitkan.

Contohnya, jika Bob dan Barbara bercerai, Barbara boleh memulakan satu Hak Pengedaran yang baru (“D”) di bawah Penaja Hak Pengedaran asal, tetapi ia tidak akan dikaitkan dengan Hak Pengedaran Bob (“C”).



Tahap Pelan Jualan & Pemasaran Hak Pengedaran Barbara (“D”) akan diwujudkan berdasarkan pencapaian aktiviti perniagaan di bawah Hak Pengedaran (“C”). Contohnya, aktiviti perniagaan Hak Pengedaran (“C”) berpendapatan pada tahap Team GET, Hak Pengedaran baru Barbara (“D”) juga akan diwujudkan pada tahap Team GET.



9.3.2 Permintaan untuk Mengubah Suai Hak Pengedaran Asal

Herbalife akan menerima permintaan untuk membuat perubahan kepada Hak Pengedaran asal. Semua permintaan mesti ditandatangani oleh kedua-dua pihak kecuali Herbalife menerima salinan keputusan muktamad mahkamah yang diperakui sah.

Mengeluarkan Nama Pasangan: Herbalife mesti menerima Borang Permohonan untuk Mengeluarkan Pasangan yang lengkap untuk mengeluarkan nama pasangan daripada rekod Hak Pengedaran.

Pembayaran: Herbalife mesti menerima Borang Permintaan Pembayaran yang lengkap untuk membuat perubahan pembayaran. Permintaan berikutnya hendaklah ditandatangani dan disahkan oleh kedua-dua pihak. Penyata pendapatan bagi Hak Pengedaran asal boleh didapati di my.MyHerbalife.com apabila log masuk menggunakan nombor ID Hak Pengedaran Herbalife yang asal.

Pemindahan: Herbalife mesti menerima Borang Perceraian dan Pemisahan yang lengkap untuk memindahkan Hak Pengedaran kepada seseorang yang bukan Pengedar atau bekas pasangan.

Jika Hak Pengedaran yang akan dipindahkan berkait dengan Hak Pengedaran lain, Hak Pengedaran yang dipindahkan akan kekal dikaitkan.

Jika selepas seseorang Pengedar memindahkan Hak Pengedaran mereka dan memutuskan untuk mewujudkan Hak Pengedaran baru:

- Hak Pengedaran baru mesti dikendali bebas dari Hak Pengedaran mereka yang asal.
- Kemajuan dalam Pelan Jualan & Pemasaran, Royalti Bertindan, Bonus Pengeluaran dan pendapatan lain adalah berdasarkan pada pencapaian Hak Pengedaran baru sahaja.

Untuk Herbalife menerima Perjanjian baru:

- Pengedar mesti menyerahkan permintaan mereka dalam tempoh satu tahun selepas pemindahan untuk Penyelia dan ke bawah, atau dalam tempoh dua tahun selepas pemindahan untuk Team Dunia dan ke atas.
- Penaja Hak Pengedaran asal mesti menaja Hak Pengedaran baru.

Status Hak Pengedaran yang baru adalah sama dengan status asal pada masa pemindahan itu.

9.3.3 Menyertai di Bawah Penaja Lain/Menyertai dalam Hak Pengedaran Lain

Untuk menyertai di bawah Penaja lain, Pengedar atau pasangan mesti menyediakan Herbalife dengan dokumen-dokumen yang diperlukan seperti berikut: *

- Borang Permohonan dan Perjanjian Hak Pengedaran baru yang lengkap dan ditandatangani.
- Borang Perceraian dan Pemisahan yang ditandatangani dan disahkan oleh notari.
- Salinan Petisyen Pembubaran Perkahwinan, Perjanjian Penyelesaian, atau penghakiman muktamad perceraian.

Selain itu, Pengedar atau pasangan tersebut mesti mematuhi Tempoh Tidak Aktif. Tempoh Tidak Aktif akan ditentukan sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan Tempoh Tidak Aktif atau oleh tarikh pengeluaran dokumen mahkamah yang diterima, yang mana-mana kemudian.

Nota: Mewujudkan Hak Pengedaran baru di bawah Penaja lain memerlukan pembelian HDP, dan manfaat akan bermula pada diskaun 25% tanpa dikaitkan dengan Hak Pengedaran asal.

* Borang dan Permohonan boleh didapati melalui Bahagian Perkhidmatan Pengedar.

9.3.4 Perceraian dan Pelan Jualan & Pemasaran Herbalife

Jumlah Volum: Hak Pengedaran individu akan menerima kredit Poin Volum daripada Hak Pengedaran asal untuk digabungkan dengan Poin Volum mereka sendiri ("Perikatan"). Ini akan menentukan kelayakan untuk menerima Royalti Bertindan, kelayakan, kelayakan semula dan/atau Bonus Pengeluaran.

Untuk tujuan kelayakan peratusan Royalti Bertindan, Hak Pengedaran asal akan menggabungkan volum dengan setiap satu Hak Pengedaran individu, termasuk volumnya sendiri.


Kelayakan Bonus Pengeluaran untuk Hak Pengedaran asal akan ditentukan berdasarkan pencapaian Hak Pengedaran individu yang tertinggi.

Contoh:

Poin Volum

Volum untuk B dan C adalah seperti berikut:


B + A dan C + A



Poin Royalti

Poin Royalti Bertindan untuk tujuan Bonus Pengeluaran digabungkan seperti berikut:

B + A dan C + A



Syarat-syarat: Setiap Hak Pengedaran individu mesti mematuhi Peraturan 10 Pelanggan Runcit, Peraturan 70%, dan sebarang syarat untuk memperoleh Royalti Bertindan. Setiap Hak Pengedaran juga mesti mencapai volum yang diperlukan untuk memenuhi syarat Volum Sepadan untuk baris bawahan mereka sendiri yang sedang melayakkan diri untuk status Penyelia. Keistimewaan pembelian Hak Pengedaran asal akan diberikan buat sementara untuk memenuhi sebarang syarat Volum Sepadan untuk pelayak baris bawahannya.

Pengiktirafan: Setiap Hak Pengedaran akan diiktiraf berdasarkan pencapaiannya sendiri di dalam Pelan Jualan & Pemasaran. Hak Pengedaran asal tidak akan menerima pengiktirafan. Jika Hak Pengedaran asal dan individu mencapai tahap Team Presiden, hanya satu berlian akan diberikan kepada baris atasan Pengedar Team Presiden yang kekal konsisten dengan peruntukan berlian bagi Hak Pengedaran yang bukan sebahagian daripada perceraian. Jika Hak Pengedaran individu melayakkan diri untuk berlian, hanya Hak Pengedaran tersebut akan maju dalam status berlian.

Acara: Peraturan yang berkaitan dengan kehadiran acara adalah khusus bagi setiap acara dan mungkin berbeza-beza. Sila rujuk kepada bahan-bahan acara untuk maklumat mengenai tempat penginapan, tiket, pengangkutan dan butiran acara yang lain.

9.4 Pewarisan*

Hak Pengedaran Pengedar yang meninggal dunia boleh dipindahkan kepada pewaris, tertakluk kepada undang-undang yang berkenaan, Peraturan, dan kelulusan Herbalife yang tidak boleh ditolak secara tidak munasabah. **

Seorang Pengedar boleh memiliki dan mengendali maksimum tiga Hak Pengedaran - milik Pengedar sendiri, ditambah sehingga dua lagi yang diperoleh melalui pewarisan. Hak Pengedaran yang diwariskan boleh dipindahkan terus kepada pewaris, atau dalam kes di mana Hak Pengedaran yang berada pada tahap Team TAB, kepada Syarikat yang dimiliki oleh pewaris. ***

Tempoh Tidak Aktif (sebagaimana yang dinyatakan dalam Peraturan Tempoh Tidak Aktif) bagi Hak Pengedaran yang diwarisi boleh dikecualikan.

Pewaris mesti menyediakan semua dokumen yang diminta oleh Herbalife mengikut budi bicara tunggal dan mutlakanya.

Permohonan untuk membatalkan Hak Pengedaran Pengedar yang meninggal dunia mesti dibuat secara terus kepada Herbalife.

* Untuk perancangan harta pusaka dan pewarisan, Program Kesenambungan Perniagaan tersedia untuk membantu kesinambungan Hak Pengedaran anda. Sila hubungi Bahagian Perkhidmatan Pengedar untuk maklumat lebih lanjut atau lihat dokumen [Hak Pengedaran Herbalife – Merancang untuk Masa Hadapan](#) yang tersedia di my.MyHerbalife.com.

** Borang Pengisytiharan Pemindahan bagi Pengedar yang Meninggal boleh didapati melalui Bahagian Perkhidmatan Pengedar.

*** Hak Pengedaran yang diwarisi dianggap sebagai entiti yang berasingan, setiap satunya tertakluk kepada memenuhi aktiviti perniagaan, volum dan terma pampasan sebagaimana yang dinyatakan dalam Pelan Jualan & Pemasaran, dengan pengecualian pencapaian volum seumur hidup, yang membenarkan gabungan Jumlah Volum pewaris sendiri dengan Jumlah Volum Hak Pengedaran yang diwarisi. Pewaris adalah bertanggungjawab untuk pembayaran yuran dan hutang bagi setiap Hak Pengedaran.

9.5 Peletakan Jawatan

Pengedar boleh meletakkan jawatan dengan menyerahkan permintaan peletakan jawatan melalui Pusat Layan Diri Dalam Talian di my.MyHerbalife.com, atau dengan menghantar e-mel permintaan kepada memberservices_my@herbalife.com daripada alamat emel seperti dalam rekod, atau dengan menyerahkan surat yang ditandatangani kepada Herbalife. Peletakan jawatan berkuatkuasa apabila diterima dan diluluskan oleh Herbalife.

9.6 Jualan kepada Pengguna

Herbalife ialah sebuah syarikat jualan langsung, di mana kontraktor bebasnya (Pengedar) menjual produk Herbalife secara langsung kepada pelanggan dan menyediakan mereka dengan bimbingan produk serta sokongan sosial.

9.7 Pembayaran dan Pelarasan

Untuk layak Royalti Bertindan bulanan, Bonus Pengeluaran atau bonus-bonus lain yang ditawarkan oleh Herbalife, Pengedar mesti memenuhi pengeluaran jualan dan keperluan Poin Royalti yang ditakrifkan sepenuhnya dalam Pelan Jualan & Pemasaran serta dalam bahan bacaan dan bahan promosi yang lain. Selain itu, untuk mendapatkan bayaran ini, Pengedar mesti memenuhi keperluan tertentu untuk pelanggan runcit dan pengedaran produk, dan mengesahkan pada hari pertama setiap bulan dalam Borang Pengesahan Pendapatan. *

* Borang Pengesahan Pendapatan boleh didapati di my.MyHerbalife.com.

9.8 Mengekalkan Barisan Penajaan

9.8.1 Pembetulan Penajaan

Pengedar yang ingin meminta untuk pembetulan penajaan, mesti melengkapkan dan menyerahkan Borang “Permohonan Pertukaran Penajaan” *, Borang “Persetujuan Pertukaran Penajaan” daripada Penaja semasa, dan surat penerimaan daripada Penaja yang dicadangkan. Semua dokumen mesti bernotari.

Permintaan untuk pembetulan Penajaan akan hanya dipertimbangkan jika semua keadaan yang berikut dipenuhi:

- Butiran Penajaan yang diberikan dalam Permohonan dan Perjanjian Hak Pengedaran adalah silap.
- Permintaan dibuat dalam tempoh 90 hari daripada Herbalife menerima Permohonan dan Perjanjian Hak Pengedaran yang terkini.
- Penaja semasa dan Penaja yang dicadangkan berada di dalam barisan yang sama.
- Hak Pengedaran semasa belum mencapai tahap Penyelia.
- Pengedar yang membuat permintaan belum menaja mana-mana Pengedar yang lain.

* Borang Permohonan Penukaran Penajaan dan Persetujuan Penukaran Penajaan yang diperlukan boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan Pengedar. Borang-borang ini dan semua dokumen lain yang tertentu mesti diserahkan ke Bahagian Perkhidmatan Pengedar supaya Herbalife boleh mempertimbangkan permintaan tersebut.

9.8.2 Memohon untuk Menukar Penajaan

Untuk melindungi integriti barisan, juga prinsip asas untuk pemasaran berbilang tingkat, penukaran penajaan tidak digalakkan dan hanya akan diluluskan oleh Herbalife dalam keadaan yang amat luar biasa.

Pengedar hanya boleh memohon penukaran Penajaan dalam organisasi baris atasan Team Presiden mereka.

Pengedar yang ingin meminta untuk penukaran penajaan harus berunding terlebih dahulu dengan baris atasan mereka untuk membincang dan mengkaji keadaan. Sekiranya Pengedar ingin meneruskan, mereka mesti melengkapkan dan menghantar Borang “Permohonan Penukaran Penajaan” * (ditandatangani oleh dua orang saksi) bersama dengan Borang “Persetujuan Penukaran Penajaan” (ditandatangani oleh dua orang saksi) daripada Penaja semasa dan semua baris atasan yang berpendapatan Royalti Bertindan dan Bonus Pengeluaran, sehingga dan termasuk ahli Team Presiden yang aktif memperoleh Bonus Pengeluaran 7%. Di samping itu, Herbalife mesti menerima Borang “Penerimaan Penukaran Penajaan” (ditandatangani oleh dua orang saksi) daripada Penaja yang dicadangkan.

Jika kedua-dua Penaja semasa dan Penaja yang dicadangkan berkongsi Penaja baris atasan yang sama dan setiap satu adalah pada status dan tahap pendapatan yang sama di bawah Pelan Jualan & Pemasaran, Pengedar yang meminta penukaran hanya perlu mendapatkan Borang Persetujuan Penukaran Penajaan (ditandatangani oleh dua orang saksi) daripada Penaja semasa dan Borang “Penerimaan Penukaran Penajaan” (ditandatangani oleh dua orang saksi) daripada Penaja yang dicadangkan.

Jika Herbalife meluluskan penukaran, Pengedar yang memohon tidak akan dibenarkan untuk mengekalkan Pengedar baris bawahan.

Jika permintaan penukaran penajaan ditolak, Pengedar boleh meletak jawatan Hak Pengedaran mereka dan mematuhi Tempoh Tidak Aktif sebelum memohon semula Hak Pengedaran Herbalife atau di bawah Penaja lain. (Sila rujuk Peraturan Tempoh Tidak Aktif)

* Borang Permohonan Penukaran Penajaan dan Persetujuan Penukaran Penajaan yang diperlukan boleh didapati dari Bahagian Perkhidmatan Pengedar. Borang-borang ini dan semua dokumen lain yang tertentu mesti diserahkan ke Bahagian Perkhidmatan Pengedar supaya Herbalife boleh mempertimbangkan permintaan tersebut.

9.9 Cabaran Penurunan Berat Badan

Cabaran Penurunan Berat Badan (“Cabaran”) ialah kaedah operasi pilihan yang tersedia untuk semua Pendedar. Kaedah ini adalah cara yang menyeronok untuk peserta Cabaran mempelajari mengenai nutrisi. Walau bagaimanapun, Peraturan Cabaran mesti dipatuhi. Sebagai penjelasan, butiran kandungan yang tidak berhuruf condong adalah Peraturan Cabaran yang mandatori, sementara butiran kandungan yang berhuruf *condong* mewakili “amalan terbaik” dan/atau butiran tambahan mengenai menjadi penganjur kepada Cabaran.

9.9.1 Jumlah Maksimum Peserta

Setiap Cabaran terhad kepada maksimum 40 peserta.

Dua puluh hingga tiga puluh peserta bagi setiap Cabaran adalah dicadangkan. Sebagai peringatan bahawa Cabaran boleh mempunyai sekurang-kurangnya 3 dan sehingga maksimum 40 peserta. Seorang Pendedar harus ditugaskan sebagai jurulatih peribadi bagi setiap 12 hingga 15 peserta..

9.9.2 Bayaran

Bayaran Penyertaan: Bayaran Penyertaan merangkumi semua pembayaran hadiah, termasuk kos operasi minimal. Bayaran Penyertaan tidak boleh digunakan untuk menjana keuntungan dan dalam apa keadaan, ia tidak boleh melebihi RM100.00.

Bayaran Penambahan Berat Badan: Pendedar boleh mengenakan bayaran penambahan berat badan sebanyak RM5.00 setiap kilogram untuk penambahan berat badan sejak rekod timbang terakhir peserta.

Bayaran Ketidakhadiran: Pendedar boleh mengenakan bayaran ketidakhadiran sebanyak RM10.00 bagi setiap ketidakhadiran ke mesyuarat mingguan. Satu (1) ketidakhadiran adalah dibenarkan tanpa penalti.

Satu-satunya tindakan yang dibenarkan untuk tidak membayar Bayaran Penambahan Berat Badan dan Ketidakhadiran ialah pembatalan kelayakan daripada Cabaran; Pendedar tidak boleh memaksa atau mendesak peserta (atau bekas peserta) untuk bayaran.

9.9.3 Pembayaran Maksimum

Pembayaran Pertama dalam setiap Cabaran tidak boleh melebihi RM2,000.00. *

* Terdapat 2 sebab untuk jumlah pembayaran maksimum ini:

- Peserta seharusnya didorong oleh hasil yang bakal mereka capai, dengan manfaat “tambahan” yang berkemungkinan untuk memenangi wang.
 - Dana yang lebih besar mungkin menggalakkan peserta melibatkan diri dalam penurunan berat badan dan amalan senaman yang tidak sihat atau berlebihan.
-

9.9.4 Tempoh

Setiap Cabaran mesti dijalankan dalam minimum 6 minggu. *

** Setiap Cabaran patut dijalankan selama 12 minggu. Ini membolehkan peserta untuk mencapai matlamat mereka dengan lebih baik sepanjang tempoh Cabaran.*

- Panduan Cabaran Penurunan Berat Badan, bahan sokongan my.MyHerbalife.com dan laman sesawang Cabaran Penurunan Berat Badan Herbalife untuk peserta (HerbalifeWLC.com) adalah berdasarkan program 12-minggu.
-

9.9.5 Mesyuarat Mingguan

Mesyuarat Mingguan merupakan elemen yang diperlukan untuk mana-mana Cabaran. Ia boleh dijalankan di lokasi yang bersesuaian atau dalam talian. *

** Mesyuarat seharusnya menyertakan penimbangan mingguan, perbincangan tentang perkembangan peserta, syarahan pendidikan oleh Pengedar/Jurulatih, dan merangka rancangan dan/atau matlamat untuk minggu seterusnya.*

9.9.6 Mengesyorkan Produk Herbalife

Pengedar boleh sentiasa mengesyorkan, mempromosikan dan mendidik tentang produk Herbalife, tetapi tidak boleh mensyaratkan produk dibeli atau dimakan sebagai sebahagian daripada Cabaran.

9.9.7 Mengembalikan Bayaran Penyertaan

Bayaran penyertaan mesti dikembalikan sepenuhnya jika diminta oleh peserta dalam tempoh 48 jam yang pertama dari tarikh permulaan Cabaran. Bayaran balik yang diminta selepas tempoh 48 jam selepas Cabaran bermula adalah tertakluk kepada budi bicara Pengedar yang bertanggungjawab.

9.9.8 Pengiklanan

Herbalife mencipta pelbagai iklan yang telah siap untuk kegunaan Pengedar dalam Cabaran mereka. Jika anda mencipta iklan sendiri, ia mesti patuh dengan Peraturan Herbalife dan undang-undang.

Apabila mengiklankan Cabaran, Pengedar boleh menyertakan nama dan nombor telefon mereka dalam iklan tersebut.

Walau bagaimanapun, jika Cabaran akan dijalankan di Kelab Nutrisi, iklan hanya boleh menyertakan:

- Nama Kelab.
- Nama pengendali Kelab.
- Nombor telefon Kelab.

Pengedar hanya boleh memberikan alamat untuk Cabaran melalui interaksi peribadi, bukan melalui iklan.

Iklan Cabaran tidak boleh menyatakan atau membayangkan bahawa wang akan dibayar hanya dengan menyertai Cabaran kerana hanya empat peserta bagi setiap Cabaran akan menerima pembayaran tunai. Walau bagaimanapun, iklan boleh menyatakan bahawa pemenang Cabaran boleh memperoleh wang.

9.9.9 Perjanjian Penyertaan yang Diperlukan *

Setiap peserta hendaklah meneliti dan menandatangani Perjanjian Penyertaan dan harus disimpan di dalam fail oleh Pengedar sekurang-kurangnya 1 tahun daripada tarikh menandatangani dan menyerahkan kepada Herbalife bila diminta.

* Borang Perjanjian Penyertaan boleh didapati di my.MyHerbalife.com.

9.9.10 Had Umur Minimum

Had umur minimum bagi penyertaan dalam Cabaran ialah 18 tahun.

9.10 PROSEDUR PENGUATKUASAAN

Peraturan melindungi peluang dan jenama Herbalife. Sebarang pelanggaran boleh mempengaruhi secara negatif pendapat pengawal selia, media dan orang awam tentang Herbalife, produk-produknya dan Pengedar-pengedarnya. Meskipun Herbalife berusaha untuk mendidik Pengedarnya tentang Peraturan dan amalan perniagaan yang beretika, terdapat contoh di mana pelanggaran Peraturan mewajarkan penalti yang lebih berat.

Pengedar amat digalakkan untuk melaporkan pelanggaran Peraturan kepada Herbalife dengan segera untuk melindungi nama baik dan reputasi Herbalife serta Pengedarnya. Herbalife secara umumnya hanya akan bertindak terhadap aduan yang dibuat dalam tempoh setahun apabila Pengedar mengetahui atau patut tahu mengenai pelanggaran ini tetapi berhak untuk menjalankan siasatan pada bila-bila masa. *

* Penguatkuasaan Peraturan oleh Herbalife tidak akan mewujudkan liabiliti untuk membayar pampasan bagi kehilangan keuntungan, nama baik atau sebarang kerosakan lanjutan.

9.10.1 Prosedur Aduan

Pengedar patut melaporkan pelanggaran yang disyaki menggunakan Borang Aduan Rasmi.* Maklumat yang diperlukan termasuk jenis aduan dan butiran berasaskan fakta yang menyokong dakwaan.** Borang Aduan Rasmi mesti ditandatangani dan menyertakan nombor ID Herbalife Pengedar yang mengadu.

* Borang boleh diperoleh melalui Bahagian Perkhidmatan Pengedar atau dengan mengakses my.MyHerbalife.com.

** Butiran berasaskan fakta termasuk nama, alamat dan nombor telefon bagi orang yang terlibat, serta tarikh, masa, tempat, dll.

9.10.2 Siasatan

Jika Herbalife menentukan mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya bahawa terdapat maklumat yang mencukupi untuk menyokong dakwaan tersebut, wakil Herbalife akan menghubungi Pengedar yang menjadi subjek terhadap aduan tersebut untuk membolehkan Pengedar tersebut menyediakan maklum balasnya.

Dalam keadaan tertentu, ia mungkin menjadi keperluan untuk meletakkan sekatan ke atas Hak Pengedaran sementara siasatan sedang dijalankan. Sekatan tersebut mungkin termasuk larangan daripada menghadiri acara Herbalife dan penggantungan atau penafian terhadap:

- Keistimewaan pembelian.
- Bayaran untuk Royalti Bertindan.
- Bayaran untuk Bonus Pengeluaran Team TAB.
- Anugerah atau faedah (cth. percutian, pin, dll.).
- Berceramah di Seminar Latihan yang ditaja Herbalife atau mesyuarat yang lain.
- Kelayakan yang mungkin di dalam proses.
- Hak untuk mewakili diri sendiri sebagai Pengedar Bebas Herbalife.

Herbalife berhak untuk memaparkan nama, jenis pelanggaran dan penalti bagi Pengedar yang melanggar peraturan.

9.10.3 Hukuman

Perlanggaran Peraturan boleh menyebabkan cabaran undang-undang atau kawal selia bagi Herbalife dan membahayakan perniagaan bagi semua Pengedar. Oleh sebab itu, penalti yang dikenakan mungkin berat. Herbalife mempunyai hak tunggal dan mutlak untuk menentukan penalti yang sewajarnya berdasarkan jenis pelanggaran dan akibat yang terhasil atau yang mungkin hasil, termasuk:

- Penggantungan terhadap semua hak dan keistimewaan Pengedar.
- Hukuman kewangan.
- Obligasi untuk membayar balik yuran guaman Herbalife.
- Larangan untuk menghadiri atau berceramah di acara yang ditaja oleh Herbalife.
- Hilang kelayakan daripada penyertaan dalam Bonus Tahunan Mark Hughes.
- Hilang kelayakan daripada penyertaan dalam program Bonus Pengeluaran.
- Kehilangan barisan secara kekal.
- Pelarasan volum dan pendapatan; dan/atau
- Penamatan Hak Pengedaran (sila rujuk “Penamatan Hak Pengedaran” di bawah).

Jika Herbalife memutuskan bahawa ada Pengedar lain yang membantu, menggalakkan atau terlibat dalam pelanggaran tersebut, Herbalife juga boleh mempertanggungjawabkan Pengedar di atas pelanggaran tersebut.

9.10.4 Permintaan untuk Pertimbangan Semula (tidak berkaitan dengan Penamatan)

Pengedar boleh menyerahkan permintaan untuk pertimbangan semula keputusan Herbalife dalam tempoh 15 hari dari tarikh keputusan dibuat. Apabila meminta pertimbangan semula, Pengedar boleh menyerah maklumat tambahan yang mereka percaya boleh dipertimbangkan, dan mesti menyatakan kenapa maklumat ini tidak diberikan semasa siasatan. Jika permintaan pertimbangan semula tidak diserahkan dalam tempoh 15 hari, permintaan ini akan ditolak, walaupun Herbalife berhak untuk mempertimbangkan bukti yang disediakan selepas tempoh 15 hari mengikut budi bicara tunggal dan mutlak.

9.10.5 Penamatan Hak Pengedaran

Herbalife boleh, mengikut budi bicara tunggal dan mutlak, menamatkan Hak Pengedaran jika Pengedar melanggar Peraturan. *

Penamatan tersebut berkuatkuasa pada tarikh pemberitahuan bertulis yang disediakan oleh Herbalife kepada Pengedar. Sebaik penamatan Hak Pengedaran, Pengedar tidak boleh membuat sebarang tuntutan terhadap Herbalife akibat daripada penamatan ini.

Pengedar yang ditamatkan ** tidak lagi boleh:

- menjalankan perniagaan sebagai Pengedar;
- mewakili diri sendiri sebagai Pengedar Bebas Herbalife;
- menggunakan nama niaga, logo, tanda niaga Herbalife dan harta intelek yang lain; dan
- menghadiri latihan, mesyuarat, acara sosial atau promosi Herbalife, walaupun sebagai pasangan atau tetamu kepada seorang Pengedar.

* Penamatan bermakna pembatalan lengkap Hak Pengedaran dan pembatalan hak Pengedar untuk menjalankan perniagaan Herbalife. Ini termasuk pembatalan hak Pengedar untuk menerima apa-apa lagi pendapatan tambahan daripada Hak Pengedaran.

** Larangan ini juga terpakai kepada Pengedar yang meletak jawatan atau sebaliknya meninggalkan perniagaan Herbalife semasa siasatan untuk kemungkinan pelanggaran Peraturan.

9.10.6 Rayuan Penamatan

Pengedar boleh merayu keputusan penamatan dalam tempoh 15 hari dari tarikh keputusan dibuat. Apabila meminta rayuan, Pengedar boleh menyerahkan maklumat tambahan yang mereka percaya boleh dipertimbangkan, dan mesti menyatakan kenapa maklumat ini tidak diberikan semasa siasatan. Jika permintaan rayuan tidak diserahkan dalam tempoh 15 hari, permintaan ini akan ditolak walaupun Herbalife berhak untuk mempertimbangkan bukti yang disediakan selepas tempoh rangka masa 15 hari mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya.

Rayuan ini akan dinilai oleh jawatankuasa yang terdiri daripada wakil yang dilantik dari setiap Bahagian Jualan, Bahagian Perkhidmatan Pengedar, Bahagian Perundangan ("Jawatankuasa Penilaian"). Majoriti daripada Jawatankuasa Penilaian boleh mengekalkan penamatan tersebut, mengembalikan Hak Pengedaran, atau mencadangkan penalti alternatif untuk dakwaan pelanggaran. Dalam menilai semula keputusan penamatan, Jawatankuasa Penilaian akan mempertimbangkan sama ada pelanggaran tersebut adalah material. Keputusan ini tidak akan mewujudkan liabiliti untuk membayar pampasan bagi kehilangan keuntungan atau nama baik.

9.11 PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG TAMBAHAN

Rujukan kepada “Perjanjian” di bawah bermaksud Permohonan dan keseluruhan hubungan kontraktual di antara Pengedar dan Herbalife.

9.11.1 Kerosakan

Setakat sepenuhnya sepertimana yang dibenarkan oleh undang-undang yang berkaitan, Herbalife atau Pengedar tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana pihak untuk sebarang kerosakan sampingan, terbangkit, khusus, teladan atau punitif di bawah mana-mana teori undang-undang atau ekuiti, tidak kira sama ada atau kemungkinan kerosakan ini diketahui oleh mana-mana pihak.

9.11.2 Pengecualian dan Penangguhan

Herbalife boleh menangani pelanggaran Peraturan atau pelanggaran Perjanjian dengan mana-mana Pengedar mengikut budi bicara tunggal dan mutlak. Sebarang kegagalan, keengganan atau pengabaian Herbalife untuk menggunakan apa-apa hak, kuasa atau pilihan di bawah Perjanjian tidak merupakan pengecualian peruntukan atau pengecualian oleh Herbalife akan haknya pada bila-bila masa di bawah Perjanjian ini.

9.11.3 Kebolehasingan

Jika apa-apa peruntukan dalam Perjanjian didapati tidak sah, menyalahi undang-undang, atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam apa cara pun, ia akan diasingkan dari Perjanjian dan tidak mempunyai kesan ke atas baki Perjanjian, di mana ia patut berkuatkuasa dan berkesan sepenuhnya. Tambahan, ia akan dimasukkan secara automatik sebagai sebahagian daripada Perjanjian, peruntukan yang serupa dengan peruntukan yang diasingkan yang sah dari segi perundangan, sah dan boleh dikuatkuasakan.

9.11.4 Pilihan Undang-undang dan Forum

Perjanjian ini, dan apa-apa pertikaian yang timbul daripada perhubungan antara Herbalife dan Pengedar, akan ditadbir mengikut undang-undang Malaysia tanpa adanya konflik dengan prinsip undang-undang.

Sebarang pertikaian hendaklah diselesaikan secara eksklusif dalam prosiding kehakiman di mahkamah berwibawa yang terletak di Malaysia.

9.11.5 Ganti Rugi

Pengedar akan bertanggungjawab ke atas sebarang ganti rugi, membela dan membebaskan Herbalife daripada sebarang tindakan guaman, tindakan, permintaan, pendakwaan atau tuntutan, termasuk semua kos, liabiliti dan kerosakan berkaitan dengan atau yang timbul daripada pelanggaran Perjanjian oleh Pengedar atau kelakuan dalam pemiagaan Pengedar Herbalife tersebut. Herbalife boleh, antara yang lain, mengimbangi jumlah yang ia berhutang kepada Pengedar untuk menampung sebarang obligasi yang wujud daripada ganti rugi tersebut.

9.11.6 Tuntutan Antara Pengedar

Herbalife tidak akan bertanggungjawab kepada mana-mana Pengedar atas sebarang kos, kerugian, kerosakan atau perbelanjaan yang ditanggung oleh mana-mana Pengedar baik secara langsung atau tidak langsung disebabkan oleh sebarang tindakan, kelalaian, perwakilan atau kenyataan oleh mana-mana Pengedar lain.

9.12 PRIVASI DAN PELINDUNGAN DATA

Kecuali dinyatakan sebaliknya, Herbalife mengumpulkan, mengguna dan berkongsi “Maklumat Peribadi” (contoh, nama pertama dan nama keluarga anda, alamat surat-menyurat, bandar, negeri, poskod, nombor telefon, alamat emel, kad kredit, dan maklumat perbankan) menurut Polisi Privasinya yang terletak di <https://www.herbalife.com.my/ms/privacy-policy>.

Disebabkan ciri unik pemasaran berbilang tingkat, Pengedar mungkin akan menerima Maklumat Peribadi mengenai orang lain secara terus daripada Herbalife, seperti maklumat mengenai Pengedar lain dalam baris bawahan Pengedar tersebut, pelanggan atau rujukan yang menunjukkan minat terhadap produk atau perkhidmatan Herbalife, atau individu yang mengguna harta atas talian dan aplikasi mudah-alih kami (“Laman”). (Organisasi baris bawahan meliputi kesemua Pengedar yang telah ditaja secara peribadi oleh seorang Pengedar yang tertentu, dan seterusnya, kesemua orang lain yang ditaja oleh Pengedar yang berikutnya.) Apabila Herbalife menyediakan Maklumat Peribadi kepada seorang Pengedar, dia adalah bertanggungjawab terhadapnya dan mesti mengekalkan kerahsiaannya secara tegas. Pengedar hanya boleh mengguna Maklumat Peribadi tersebut untuk membangunkan perhubungan perniagaan Herbalife mereka dengan baris bawahan, pelanggan atau rujukan mereka, kecuali mereka telah menerima kebenaran daripada individu tersebut untuk menggunakan Maklumat Peribadinya untuk tujuan yang lain.

Satu cara dalam mana Herbalife berkongsi maklumat dengan Pengedar adalah melalui Laporan Organisasi (Lineage Reports). Laporan tersebut mengandungi maklumat mengenai Pengedar lain dalam baris bawahan Pengedar, seperti nama, nombor telefon, emel, alamat, Nombor Identifikasi Herbalife mereka, dan metrik perniagaan seperti tahap atau pangkat, volum dan statistik jualan. Laporan Organisasi disediakan kepada Pengedar dalam kerahsiaan tegas dan untuk tujuan tunggal untuk menyokong Pengedar dalam pembangunan lanjutan perniagaan Herbalife mereka. Laporan Organisasi, termasuk kesemua Maklumat Peribadi dan data lain yang terkandung di dalamnya, membentuk rahsia perdagangan hak milik sulit Herbalife. Pengedar tidak boleh mengumpul, mengedarkan atau memungut maklumat sulit atau peribadi atau mengumpulkan maklumat mengenai Pengedar Bebas Herbalife lain yang ditaja oleh mereka, atau pelanggan mereka, melainkan berhubung dengan baris bawahan mereka dan untuk tujuan tunggal mempromosikan perniagaan Herbalife mereka, dan untuk mengurus, memotivasikan dan melatih baris bawahan mereka.

Pengedar juga boleh mengumpul Maklumat Peribadi daripada individu secara terus atau melalui cara yang lain, seperti apabila mereka mengumpul maklumat hubungan dan pembayaran daripada pelanggan untuk memproseskan pesanan produk, atau apabila mereka mengumpul maklumat daripada Pelanggan berhubung dengan Penilaian Kesihatan (Wellness Evaluations) atau pertandingan, seperti Undian (Sweepstakes), Cabaran Penurunan Berat Badan (Weight Loss Challenges) dan Cabaran Transformasi Badan (Body Transformation Challenges). Pengedar mesti mematuhi privasi dan data yang berkaitan dengan undang-undang perlindungan, termasuk sekatan pemindahan data antarabangsa, berkenaan dengan semua Maklumat Peribadi yang diperoleh oleh Pengedar (daripada Herbalife atau selainnya) berhubung dengan perniagaan Herbalife Pengedar tersebut. Di samping itu, ia adalah tanggungjawab Pengedar tersebut untuk mengekalkan sekuriti kesemua Maklumat Peribadi yang diterima olehnya, dan untuk menyimpan maklumat sedemikian menurut peraturan yang berkaitan. Sila ambil perhatian bahawa undang-undang perlindungan privasi dan data biasanya mempunyai keperluan lebih tegas mengenai kebenaran, sekuriti, dan penyimpanan untuk kategori khas Maklumat Peribadi, seperti data kesihatan, data biometrik, dan data berkenaan kanak-kanak/bawah umur.

9.13 DEFINISI

Permohonan: Permohonan dan Perjanjian Hak Pengedaran Herbalife.

Perikatan: Dalam perceraian, gabungan volum antara Hak Pengedaran asal dan Hak Pengedaran berasingan bagi pasangan yang bercerai, untuk tujuan pengiraan peratusan pendapatan.

Peralatan Perniagaan: Alat bantuan jualan yang tidak disediakan oleh Herbalife.

Cabaran: Cabaran Penurunan Berat badan.

Kelab: Kelab Nutrisi.

Pengedar: Individu yang Permohonan dan Perjanjian untuk Hak Pengedaran Herbalife yang telah diterima dan dimasukkan ke dalam rekod Herbalife.

Hak Pengedaran: Perniagaan bebas Pengedar Herbalife.

Yuran: Yuran Tahunan Perkhidmatan Hak Pengedaran.

Harta Intelek Herbalife: Termasuk bahan hak cipta Herbalife, tanda niaga, nama niaga, hiasan niaga dan rahsia niaga.

Produk-Produk Herbalife®: Termasuk semua produk yang dijual oleh Herbalife, dan persediaan yang dibuat oleh Pengedar menggunakan produk tersebut.

HDP: Pek Pengedar Herbalife.

Petunjuk: Prospek untuk produk atau peluang Herbalife.

Bahan-bahan: Bahan bacaan dan alat bantuan jualan terbitan Herbalife.

Jawatankuasa Penilaian: Jawatankuasa yang menilai rayuan atas keputusan penamatan. Terdiri daripada wakil yang dilantik dari setiap Bahagian Jualan, Bahagian Perkhidmatan Pengedar, dan Bahagian Perundangan.

Amalan Peraturan: Peraturan, polisi, dan nasihat Pengedar Herbalife yang dikeluarkan oleh Herbalife dari semasa ke semasa.

Pelan Jualan & Pemasaran: Menggariskan pencapaian dan manfaat khusus yang boleh diusahakan oleh Pengedar.

Penaja: Pengedar yang membawa masuk individu lain ke dalam Herbalife sebagai Pengedar.

Penerima Pindahan: Pengedar yang mana Hak Pengedaran dipindahkan.

Pemindah: Bekas Pengedar yang memindahkan Hak Pengedarannya kepada orang lain.

Dokumen ini telah dirangka dan dilaksanakan dalam Bahasa Inggeris. Sekiranya sebarang percanggahan timbul antara versi Bahasa Inggeris dengan mana-mana versi bahasa dokumen ini yang telah diterjemahkan, versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

08/15/25